

20/02/1997

Pulau kecil tidak diganggu

KUANTAN: Kerajaan Pahang mengambil keputusan tidak akan mengganggu pulau kecil di sekitar Pulau Tioman dalam usaha mengekalkan muka bumi serta keindahan semula jadinya.

Keputusan itu dibuat selepas mendapat persetujuan semua ahli Exco Kerajaan Negeri dalam mesyuaratnya, semalam.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya meningkatkan pembangunan di Pulau Tioman mendapat persetujuan Exco.

(END)